

Headline	Perpaduan melalui bahasa kebangsaan	Language	MALAY
Date	10. Jun 2009	Page No	16
Media Title	Sinar Harian	Article Size	670 cm2
Section	Nasional	Frequency	Daily
Circulation	60000	Color	Full Color
Readership	0	AdValue	3686.49



Perpaduan melalui bahasa kebangsaan

PPSMI dalam jangka panjang boleh melupuskan BM sebagai bahasa tamadun



GEGER SOKMO | A. AZIZ DERAMAN

Rakyat Malaysia mesti menyedari bahawa usaha mengangkat martabat bahasa dan sastera kebangsaan itu adalah tanggung jawab bersama.

Sempena Seminar Bahasa Kebangsaan dan Masyarakat Cina di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 8 Jun 2009, satu forum 'Perpaduan Melalui Bahasa Kebangsaan' turut diadakan. Kebetulan saya telah diberikan kepercayaan bagi mempengeruskannya dengan Ahli Panel iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, dan Timbalan Setia Usaha Agung Dewan Pemiagaan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia (ACCCIM), Datuk David Chua Kok Tee.

Tajuknya bukan suatu perkara baru tetapi sangat penting untuk dibahaskan dalam situasi semasa dan kian terasa akan keterpinggiran bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kebangsaan (BK) dan bahasa rasmi negara. Seminar sehari itu sendiri menjadi signifikan dengan penglibatan tokoh-tokoh masyarakat Cina di bidang pendidikan, bahasa, sastera dan budaya, sama ada sebagai pembentang kertas kerja atau sebagai Pengerusi Sidang.

Nama-nama Pak Yang Quee Yee, Dr Yap Sin Tian, Dr Chiew Fong Peng, Goh Hin San, Prof Dr Teo Kok Seong adalah antara nama-nama yang menggerakkan pelbagai kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan serta terlibat dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kaum Cina misalnya dalam Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF), Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus-Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong), Persatuan Kebudayaan Cina Malaysia, Gabungan Dewan Perhimpunan Cina Malaysia dan Persatuan Penulis-Penulis Aliran Cina Malaysia.

Apabila seminar tersebut telah memperdengarkan Pertumbuhan Kebudayaan Cina-Melayu 600 Tahun, membahaskan Masa Depan Sastera Kebangsaan dari Perspektif Orang Cina, Peranan dan Tanggung Jawab Masyarakat Cina Malaysia Terhadap Bahasa dan Sastera Kebangsaan, dan Usaha Memperkasakan Bahasa Kebangsaan, maka dengan sendiri timbul pandangan-pandangan bahawa bahasa dan sastera kebangsaan sangat berperanan dalam memupuk pemikiran bangsa, memanen nilai-nilai kerohanian dan kemanusiaan dan sekali gus membuka jalan luas menuju perpaduan bangsa dan pembinaan keperibadian Malaysia.

Saya katakan "Perpaduan Melalui Bahasa Kebangsaan" bukan satu perkara baru kerana itulah yang dijemakan seawal Malaysia mencapai kemerdekaan.

Kepelbagaian kaum di Malaysia memerlukan satu wahana atau alat pemersatu khusus bagi menyatupadukan mereka. Alat itu tidak lain daripada alat komunikasi yang akan menghubungkan perhubungan kaum iaitu bahasa.

Alat-alat lain seperti dasar ekonomi, dasar sosial dan kestabilan politik juga penting, tetapi yang pertama dan paling utama terletak kepada bahasa. Bahasa yang dipilih itu adalah bahasa yang sudah berzaman membuktikan dirinya sebagai alat pemersatu, lingua franca dalaman dan rantau.

Kedudukan BM yang dikanunkan dalam Perlembagaan Persekutuan (Perkara 152) sudah diterima sedari awal. Pada masa sama, kebebasan untuk mempelajari bahasa kaum atau komuniti sendiri tidak disekat. Rakyat Malaysia hanya perlu tahu membezakan antara bahasa komuniti tadi dengan bahasa negara, penggunaan pada peringkat rasmi atau tidak rasmi.

Untuk itulah maka bahasa Cina, Tamil, bahasa suku seperti bahasa Iban, bahasa Kadazandusun dan sebagainya itu bebas diamalkan atau dipelajari. Statusnya tidak berbeza dengan bahasa-

Bahasa kebangsaan adalah bahasa bagi sesuatu bangsa dan negara. Sesebuah negara bangsa yakni satu bangsa untuk satu negara tidak wujud tanpa sebuah bahasa negaranya. Satu Malaysia itu antara lainnya diikat oleh kesatuan nilai, pandangan dan perasaan yang diperturunkan melalui bahasa kebangsaannya sendiri.

Menurut Tsu Koon, bahasa menjadi alat penting bagi pendidikan. Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) tidak signifikan bagi tujuan mempelajari Bahasa Inggeris atau memperoleh ilmu tersebut. Perubahan kembali patut dilakukan Kerajaan. PPSMI dalam jangka panjang boleh melupuskan BM sebagai bahasa tamadun dan akan menyekat kemajuan perpaduan selama ini.

David Chua sealiran pendapat dengan Tsu Koon. Perpaduan di Malaysia tidak akan dapat dicapai tanpa BK. Beliau melihat bagaimana perspektif perdagangan dan pemiagaan dalam memajukan BK. Kelemahan BK dalam sektor selain perkhidmatan awam, perundangan dan kehakiman yang agak

mengenai gagasan Satu Malaysia. Malaysia itu menjadi satu kerana perpaduan bangsa. Perpaduan dijadikan matlamat utama negara bangsa Malaysia sejak dahulu. Tanpa perpaduan, kemakmuran dan kedamaian boleh runtuh dengan mudah. Jadi kita perlu membangunkan kekuatan psikologi bangsa dengan kecintaan dan semangat patriotisme melalui BK. BK adalah bahasa kepunyaan bersama. Sinergi antara kerajaan dengan swasta dan antara institusi perlu diwujudkan. Institusi-institusi Kerajaan patut memainkan peranan yang lebih utama, menjadi teladan penggunaan BK yang baik dan betul. Ada ratusan institusi dengan pelbagai peranan masing-masing dari institusi bahasa, pengajian tinggi, agama, institusi sosial dan sebagainya yang kesemuanya mesti memainkan peranan memajukan BK.

Kesimpulan dari forum ini sekurang-kurangnya boleh memandu kita untuk bermuhasabah tentang arah tuju masa depan BK. Benar, isu perpaduan melalui BK bukan lagi soal baru tetapi keterabahan kedudukannya kini menuntut suatu perubahan sikap dan pendekatan baru. Antaranya perkukuhkan semula BM sebagai bahasa ilmu, kaji semula pelaksanaan PPSMI, adakan pelbagai program dan aktiviti melalui BK yang akan menguatkan lagi ikatan tali perpaduan itu.

Komitmen politik diperlukan tetapi isu pendidikan tidak perlu dipolitikkan. BK akan lebih cepat berkembang maju melalui program penerbitan, sama ada media cetak atau elektronik. Peranan penyiaran misalnya radio dan televisyen semua satukan sebagai wahana aneka program perpaduan yang menggunakan BK perlu dipertingkatkan misalnya drama TV yang melibatkan penyertaan berbagai kaum.

Penterjemahan karya-karya sastera dan teks ilmu seperti ditugaskan kepada ITNM (Institut Terjemahan Negara Malaysia) atau peranan institusi lain sangat membantu. Seminar, bengkel dan latihan keguruan bagi meningkatkan upaya pengajaran terutama di kalangan bukan Melayu memang suatu keperluan dari masa ke semasa.

Kesimpulannya, Malaysia memerlukan kaedah terbaik untuk memperkasakan BK di kalangan masyarakat terutamanya bagi masyarakat Cina, India dan suku kaum yang lain. Satu gerakan kesedaran berbangsa dan bernegara boleh diadakan bertujuan mengajak penglibatan, penyertaan dan dukungan meluas masyarakat pelbagai kaum dalam memperkembangkan bahasa dan sekali gus sastera kebangsaan. Rakyat Malaysia mesti menyedari bahawa usaha mengangkat martabat bahasa dan sastera kebangsaan itu adalah tanggung jawab bersama.

Bahasa kebangsaan adalah bahasa bagi sesuatu bangsa dan negara. Sesebuah negara bangsa yakni satu bangsa untuk satu negara tidak wujud tanpa sebuah bahasa negaranya. Satu Malaysia itu antara lainnya diikat oleh kesatuan nilai, pandangan dan perasaan yang diperturunkan melalui bahasa kebangsaannya sendiri.

bahasa dialek seperti Kelantan, Kedah, Perak, Negeri Sembilan yang menjadi faktor penyatu dan identiti komuniti. Sebaliknya, BK adalah bahasa bagi bangsa Malaysia yang merentasi kaum, suku kaum dan daerah. Jika hakikat ini difahami, maka pasti kita tidak akan tergelincir dari usaha-usaha memartabatkan, memperkasakan dan menyebarluaskan peranan BM di peringkat lokal dan global.

Bagi Koh Tsu Koon, sejarah 600 tahun BM di negara kita dan di rantau ini sudah membuktikan peranannya yang luar biasa sebagai bahasa perhubungan wilayah dan hubungan Malaysia dengan timur dan barat. Kini di Malaysia, rakyatnya di semua peringkat menjadi kukuh ikatan perpaduannya kerana adanya sebuah BK. Di samping kekalnya bahasa etnik kerana keperluan hubungan komuniti, bahasa kebangsaan menjadi alat pemersatu yang merentasi kaum sangat berjaya. Kedudukan BM sebagai bahasa negara yang dikanunkan dalam Perlembagaan hendaklah dihormati dan dijunjung. Semua program dan tindakan rasmi bangsa Malaysia itu hendaklah dilakukan melalui BK.

maju itu, harus diimbangi kemajuan dalam sektor-sektor yang lain juga. Pendekatan dan strategi baru perlu dicari dan mengukuhkan mana-mana pendekatan yang berjaya sebelum ini.

Dari generasi ke generasi, sekarang tidak kurang tiga generasi (jika diukur 15 tahun bagi satu-satu generasi) selepas negara merdeka, ada semacam 'jurang komunikasi' antara generasi itu. Dilema globalisasi harus ditafsirkan dengan bijak agar kita tidak terperangkap dan Malaysia kehilangan khazanah bahasanya yang sangat berharga itu.

BI dan bahasa-bahasa asing yang lain tidak kurang pentingnya. Pendekatan dan strategi menguasai bahasa-bahasa itu perlu kaedah yang tepat. Bahasa perlu dipelajari melalui sistem bahasa bukannya melalui subjek bukan bahasa. Bagi David Chua penanaman nilai-nilai kehidupan sosialbudaya adalah melalui bahasa. Maka BM sebagai BK bukan sekadar sistem linguistiknya semata-mata. Jadi bahasa-bahasa dikuasai kerana keperluan komunikasi antarabangsa dan BK diperkukuh atau diperkasa di peringkat nasional.

Forum di atas turut memperkatakan